

29 SEP 1998

Zainal-Anwar

JANGAN GANGGU MAHKAMAH DALAM PROSES MENENTUKAN KEADILAN

KOTA BAHARU, 29 Sept (Bernama) -- Anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir meminta penyokong bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya tidak mengganggu urusan perjalanan mahkamah untuk menentukan keadilan kepada Anwar.

"Pada pandangan saya ini tanda kejujuran dan keikhlasan kerajaan dalam menyelesaikan masalah bahawa kebenaran haruslah ditentukan oleh mahkamah dan kerajaan telah bersedia untuk menerima sebarang keputusan mahkamah kelak," katanya kepada pemberita hari ini.

Terdahulu Zainal yang juga Ketua Penerangan Umno Kelantan menyertai sesi penerangan mengenai isu Anwar kepada kakitangan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) di sini.

Anwar, yang telah ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) sembilan hari lepas ekoran rusuhan oleh pengikutnya, dihadapkan ke mahkamah sesyen di Kuala Lumpur hari ini.

Anwar mengaku tidak bersalah terhadap lima tuduhan rasuah dan empat tuduhan melakukan persetubuhan luar tabii.

Beliau juga berkata keutuhan perpaduan di kalangan anggota Umno khususnya di negeri ini tidak terjejas dengan isu pemecatan Anwar dari Kabinet dan Umno, malah bersiap sedia untuk merampas Kelantan daripada pemerintahan Pas pada pilihan raya umum akan datang.

Pengerusi KADA, Tan Sri Husein Ahmad, yang juga anggota MT, berkata sekarang tiba masanya bagi penyokong Anwar memberi sokongan ikhlas untuk membantu Anwar mendapatkan keadilan tanpa menimbulkan keadaan huru-hara.

Beliau berkata, sokongan ikhlas itu termasuklah mencari peguam dan menjaga isteri serta anak-anaknya, bukannya terus mencabar polis dan mahkamah.

Husein memberi amaran kepada 1,300 kakitangan lembaga itu bahawa tindakan tegas termasuk pemecatan, akan dikenakan terhadap mereka yang didapati terbabit dengan sebarang kegiatan yang boleh menggugat keamanan.

"Tanpa keamanan tidak ada apa yang boleh dibuat untuk membantu rakyat, sedangkan tugas kita ialah untuk membantu rakyat," katanya.

Pada majlis itu, seluruh anggota dan kakitangan KADA membuat resolusi menyatakan akan tetap mematuhi arahan kerajaan dan terus taat setia serta menyokong kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Resolusi itu diserahkan oleh Pengurus Besar KADA Hassan Haron kepada Husein dan akan dihantar kepada Dr Mahathir segera.

-- BERNAMA

BD NMO